

DATE: 28/1/2010

PM lancar Malaysia Inovatif 2010

Usaha memperkasakan lonjakan ekonomi negara berpaksikan inovasi, kreativiti

Oleh Johari Ibrahim
dan Haika Khazi
bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak malam tadi melancarkan Malaysia Inovatif 2010 sebagai titik permulaan kepada usaha melonjakkan ekonomi negara berpaksikan kepada inovasi dan kreativiti dalam sektor awam serta swasta.

Serentakitu, Perdana Menteri mencadangkan setiap individu, kumpulan, kementerian atau agensi kerajaan yang berjaya membawa inovasi diberikan ganjaran lumayan setimpal dengan hasil yang diperoleh.

Bagi memperkasakan usaha ke arah penjaanaan inovasi dalam perkhidmatan awam, beliau turut mencadangkan supaya setiap kementerian dan agensi kerajaan menubuhkan satu unit inovasi khas yang bertanggungjawab terhadap pelbagai kegiatan dan program inovasi yang dijalankan dari semasa ke semasa.

Katanya, inisiatif itu pula perlu dilaporkan secara berkala kepada Majlis Inovasi Negara.

Bagi sektor swasta pula, katanya, kerajaan berhasrat untuk merangsangkan lagi

pertumbuhan firma khususnya yang memiliki komponen Hak Harta Intelek (IP) yang dijanakan oleh anak tempatan.


"Dalam masa yang sama, sistem perolehan kerajaan akan terus memberikan ketutamaan kepada keluaran tempatan dalam pembelian produk, perkhidmatan dan sebagainya," katanya berucap merasmikan Malaysia Inovatif 2010, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini.

Turuthadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Maximus Ongkili dan menteri-menteri Kabinet.

Beliau berkata konsep inovasi dan kreativiti juga bermaksud berani membawa perubahan secara terancang dan bukan hanya 'terjah'.

Perdana Menteri berkata proses inovasi perlu diurusperdanakan membabitkan semua lapisan masyarakat sehingga ke peringkat akar umbi.

Beliau berkata inovasi bukan saja bertumpu kepada bidang sains tetapi juga turut mencakupi pelbagai disiplin lain termasuk pengurusan saintifik dan kewangan.



NAJIB menerima cenderamata plak berbentuk satelit Razak Sat daripada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Or Maximus Ongkili pada majlis pelancaran Malaysia Inovatif 2010 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, malam tadi.